



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA PENDAFTARAN TABIKA PERPADUAN DIBUKA

PUTRAJAYA, 17 Mac 2026 – Kementerian Perpaduan Negara memaklumkan bahawa **permohonan kemasukan ke Tabika Perpaduan bagi sesi tahun 2027 kini dibuka bermula 15 Mac 2026 sehingga 31 Ogos 2026** dan boleh dibuat secara atas talian.

Tabika Perpaduan menawarkan pendidikan prasekolah yang berkualiti dengan kurikulum berstruktur bagi menyediakan kanak-kanak menghadapi alam persekolahan di Darjah Satu. Bermula tahun 2026, Tabika Perpaduan akan mengaplikasikan **Kurikulum Prasekolah 2026** yang menekankan pembangunan menyeluruh kanak-kanak dari segi kognitif, emosi, sahsiah serta nilai perpaduan dan kenegaraan.

Setakat ini, terdapat **1,781 Tabika Perpaduan** di seluruh negara dengan jumlah murid seramai **34,817 orang**, menjadikan institusi ini antara platform penting dalam membina asas pendidikan awal serta memupuk semangat perpaduan dalam kalangan kanak-kanak sejak usia muda.

Syarat kemasukan ke Tabika Perpaduan adalah terbuka kepada **warganegara Malaysia** yang mempunyai **Sijil Kelahiran dan MyKad**, serta berumur **empat (4) hingga enam (6) tahun**. Keutamaan juga diberikan kepada pemohon yang tempat kediaman atau tempat kerja ibu bapa berada dalam lingkungan **10 kilometer dari lokasi Tabika Perpaduan**.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata Tabika Perpaduan diperkukuhkan melalui **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021–2030**, iaitu inisiatif strategik Kementerian Perpaduan Negara bagi memberi suntikan dan nafas baharu kepada program pendidikan awal kanak-kanak di bawah kementerian. Pelan ini bertujuan memperkukuh peranan Tabika Perpaduan sebagai institusi yang bukan sahaja membangunkan potensi kanak-kanak secara menyeluruh, malah membentuk generasi yang mempunyai semangat cintakan negara serta mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

Pelan ini merangkumi pemantapan secara menyeluruh meliputi aspek **kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran, pembangunan profesionalisme guru, tadbir urus, jalinan kerjasama dengan komuniti serta sistem pemantauan yang lebih berkesan**. Enam teras utama digariskan bagi mencapai matlamat tersebut, antaranya memantapkan elemen kenegaraan, perpaduan dan nilai murni dalam kurikulum, memperkukuh profesionalisme guru Tabika Perpaduan, mengukuhkan jalinan kerjasama bersama komuniti, mempertingkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran, memantapkan tadbir urus pengurusan serta memperkasakan mekanisme pemantauan dan penilaian.

Kementerian Perpaduan Negara mengalu-alukan ibu bapa dan penjaga yang berminat untuk mendaftarkan anak-anak mereka ke Tabika Perpaduan bagi mendapatkan pendidikan awal yang berkualiti dalam persekitaran yang menekankan nilai perpaduan, hormat-menghormati dan keharmonian masyarakat majmuk.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

17 Mac 2026

KPN.100-9/1/16 (20)

